

12/10/2002

Kerajaan teliti model insurans kesihatan sesuai

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia sedang mengkaji model insurans kesihatan yang digunakan di beberapa negara lain sebagai contoh kepada skim insurans kesihatan yang akan diperkenalkan kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan bagaimanapun tidak akan menggunakan model Britain yang mewajibkan setiap rakyatnya memberi sumbangan kepada skim seumpama itu.

Perdana Menteri memberi jaminan, kerajaan akan terus memberi rawatan percuma setakat yang boleh tetapi mereka yang mampu patut membayar. Kos rawatan dan ubat yang tinggi mendorong kerajaan memperkenalkan skim insurans kesihatan.

"Kerajaan tidak mampu terus menanggung beban perbelanjaan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dan berharap skim insurans ini akan meringankan bebannya.

"Kita tak nak bebankan rakyat tapi kerajaan mempunyai had untuk belanja, ini pun kita sudah naikkan perbelanjaan untuk Kementerian Kesihatan sebanyak 20 peratus, yang terbesar pernah kita beri, tapi selalunya tak cukup, jadi kita kena ada jugalah suatu bentuk insurans," katanya selepas melancarkan Hari Penglihatan Sedunia di Taman KLCC di sini, hari ini.

Pada Mac tahun lalu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mengumumkan satu skim insurans kesihatan rakyat yang tidak berlandaskan keuntungan dengan kadar premium rendah akan diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005).

Ditanya bila skim itu akan dilaksanakan, Dr Mahathir berkata beliau akan mendapatkan taklimat daripada Kementerian Kesihatan terlebih dulu mengenai cadangan itu.

Katanya, Malaysia memberi perkhidmatan perubatan percuma kepada rakyat sebagai mewarisi sistem penjajah.

Pada zaman dulu, katanya kerajaan penjajah British mampu memberi ubat-ubatan secara percuma kerana kos ubat pada masa itu amat murah, misalnya ubat batuk cuma berharga satu sen sebotol, dan botol perlu dibawa sendiri oleh pesakit.

"Tapi sekarang ini kalau batuk kena beri banyak antibiotik, satu kapsul RM5, RM10, kita tak mampu nak beri," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, beliau berkata cadangan pengenalan skim insurans kesihatan itu bukan bermakna kerajaan mahu mengelakkan daripada memberi rawatan percuma.

Sebaliknya, kata beliau, ia disebabkan kedudukan kewangan negara tidak mengizinkan untuk menanggung pembiayaan yang semakin meningkat.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng berkata, kajian mata kebangsaan 1996 mendapati kira-kira 54,000 rakyat buta kedua-dua mata dan 460,000 cacat penglihatan.

Katanya, sebahagian besar masalah itu sebenarnya boleh dielakkan kerana antara penyebab utama kebutaan ialah seperti penyakit retinopati diabetes yang boleh dicegah atau dikawal.

"Selain itu, teknologi sains membolehkan kebutaan dirawat seperti pembedahan yang boleh dilakukan untuk merawat katarak di mana status penglihatan pesakit masih boleh dikekalkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Hari Penglihatan Sedunia 2002 yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Taman KLCC di sini, hari ini.

Sempena pelancaran itu, Dr Mahathir turut menandatangani deklarasi

sokongan kepada projek sedunia 'Vision 2020: The Right To Sight'.